

SULIT

SPSS/OKT2015/DPI1043



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

KURSUS	:	PERAKAUNAN KEWANGAN
KOD KURSUS	:	DPI1043
PEPERIKSAAN	:	OKTOBER 2015
MASA	:	3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (10 Markah)
BAHAGIAN B (90 Markah)

2. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B**.
 - i. Jawab **BAHAGIAN A** di dalam Borang Jawapan Objektif
 - ii. Jawab **BAHAGIAN B** di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.

3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Antara berikut, yang manakah merupakan jenis perniagaan yang menawarkan saham kepada orang ramai?
 - A. Perkongsian
 - B. Milikan tunggal
 - C. Syarikat awam berhad
 - D. Syarikat sendirian berhad

2. Akauntan syarikat enggan menerima cadangan pengarah untuk mengubah kaedah penilaian stok untuk menambahkan keuntungan kerana ini tidak mengikut
 - A. Konsep akruan
 - B. Konsep materialiti
 - C. Konsep ketekalan
 - D. Konsep kos sejarah

3. Antara berikut, akaun manakah yang mempunyai baki kredit
 - A. Angkutan masuk
 - B. Angkutan keluar
 - C. Pulangan masuk
 - D. Diskaun diterima

Seorang penyimpan kira mencatatkan penerimaan cek RM525 sebagai RM255 dalam Buku Tunai

4. Apakah jenis kesilapan ini?
 - A. Kesilapan prinsip
 - B. Kesilapan songsang
 - C. Kesilapan ketinggalan
 - D. Kesilapan catatan asal

5. Cek yang dikeluarkan oleh firma tetapi belum direkodkan dalam penyata bank dinamakan
- A. Cek tak layan
 - B. Pindahan kredit
 - C. Cek belum ditunaikan
 - D. Cek belum dikreditkan
6. Tujuan penyata penyesuaian bank disediakan adalah untuk
- A. Menentukan pindahan kredit oleh bank
 - B. Menentukan faedah atas overdraf telah dicajkan
 - C. Menentukan kemudahan yang disediakan oleh bank
 - D. Menyesuaikan baki dalam Buku Tunai dengan baki dalam Penyata Bank
7. Antara berikut, yang manakah merupakan perbelanjaan hasil?
- i. Tambahan kepada ruangan muatan lori
 - ii. Kos menggantikan bahagian lori yang rosak
 - iii. Faedah atas pinjaman untuk membiayai pembelian lori
 - iv. Menggantikan enjin lama untuk memanjangkan hayat berguna lori lama
- A. i dan ii
 - B. i dan iv
 - C. ii dan iii
 - D. iii dan iv

Sebuah mesin berkos RM80 000 disusutnilaikan dengan kadar 25% mengikut kaedah baki berkurangan

8. Berapakah belanja susut nilai pada akhir tahun kedua?
- A. RM20 000
 - B. RM15 000
 - C. RM45 000
 - D. RM40 000

9. Antara berikut, pengelasan yang manakah **TIDAK** benar?

- A. Stok - aset semasa
- B. Gadai janji - aset bukan semasa
- C. Overdraf bank - liabiliti semasa
- D. Pemiutang - liabiliti semasa

10. Berikut merupakan maklumat kewangan yang dibekalkan oleh sebuah perniagaan milikan tunggal:

	RM
Jualan	50 000
Belian	40 000
Pulangan masuk	500
Stok awal	13 000
Untung kasar	14 500

Kirakan nilai stok akhir perniagaan tersebut?

- A. RM49 500
- B. RM18 000
- C. RM37 000
- D. RM25 500

(10 markah)

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi LIMA (5) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Che Ta adalah seorang pengusaha. Beliau memiliki sebuah kedai runcit di Pusat Komersial Permata. Dalam tahun berakhir 31 Disember 2014, beliau mempunyai maklumat berikut mengenai perniagaannya:

	RM		RM
Kenderaan	40 000	Pemiutang	20 000
Alatan pejabat	25 000	Bil air dan elektrik terakru	800
Perabot	20 000	Stok	30 000
Bank	54 000	Penghutang	15 000

Dikehendaki:

a) Nyatakan persamaan perakaunan di atas.

(1 markah)

b) Kelaskan item-item di atas mengikut pengelasan aset dan liabiliti yang sesuai.

(4 markah)

c) Berdasarkan maklumat di atas, tentukan modal pada 31 Disember 2014.

(4 markah)

d) Jika Che Ta membawa modal tambahan berjumlah RM25 000, kirakan hasil yang dapat dijana oleh perniagaan sekiranya jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM50 000.

(6 markah)

e) Berikan **TIGA (3)** pengguna maklumat kewangan.

(3 markah)

f) Nyatakan **DUA (2)** ciri-ciri perniagaan milikan tunggal.

(2 markah)

SOALAN 2

Perniagaan Segar adalah perniagaan yang membekalkan daging beku kepada pasar raya di Malaysia. Berikut adalah transaksi Perniagaan Segar bagi bulan Oktober 2015:

No.	Transaksi
1.	Saleha membawa masuk RM100 000 tunai dan menandatangani wang tersebut ke dalam akaun bank perniagaan.
2.	Membeli barang niaga dari Freshmeat Trading bernilai RM5 000 secara kredit.
3.	Membeli perabot bernilai RM2 500 secara kredit daripada Perabot Antik Berhad.
4.	Jualan kepada Mek Zah RM3 000 secara kredit
5.	Mengeluarkan cek kepada Freshmeat Trading RM3 000
6.	Mek Zah memulangkan barang-barang yang rosak berjumlah RM500
7.	Menerima cek RM2 000 bagi barang yang telah dijual
8.	Mek Zah membayar jumlah yang dihutang menggunakan cek
9.	Jualan tunai RM5 000

Dikehendaki :

Kenalpasti kesan (bertambah atau berkurang) keatas aset, liabiliti, belanja, hasil dan modal bagi setiap transaksi yang diberi.

(10 markah)

SOALAN 3

Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Aisyah Trading pada tahun 2014:

	1 Januari 2014		31 Disember 2014	
	Debit (RM)	Kredit (RM)	Debit (RM)	Kredit (RM)
Lejer Jualan	9 175	85		90
Lejer Belian	80	8 800	20	

Transaksi sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:

	RM
Jualan kredit	40 312
Belian kredit	30 964
Jualan tunai	15 800
Belian tunai	436
Hutang lapuk	120
Cek tak layan	96
Diskaun dibenarkan	320
Diskaun diterima	410
Penerimaan tunai daripada penghutang	20 582
Bayaran cek kepada pemiutang	19 800
Pulangan keluar	623
Pulangan masuk	512
Caj faedah oleh pemiutang	300
Hutang lapuk pulih	550
Caj faedah oleh penghutang	356
Angkutan masuk	300
Tambahan dalam peruntukan hutang ragu	1 200
Kontra	350

Dikehendaki:

- a) Sediakan Akaun Kawalan Penghutang (6 markah)
- b) Sediakan Akaun Kawalan Pemiutang (6 markah)
- c) Nyatakan **SATU (1)** fungsi Akaun Kawalan (1 markah)

SOALAN 4

Berikut merupakan Imbangan Duga yang diperolehi daripada buku perakaunan Shira Enterprise pada 30 Jun 2015.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Belian	76 900	
Jualan		108 800
Tunai	7 000	
Bank	53 600	
Modal		180 000
Ambilan	1 400	
Kelengkapan pejabat	19 700	
Sewa	3 000	
Upah dan gaji	12 200	
Diskaun dibenarkan	690	
Diskaun diterima		410
Penghutang	52 830	
Pemiutang		50 000
Stok awal	10 200	
Peruntukan hutang ragu		710
Van	98 000	
Kos membaiki van	2 600	
Hutang lapuk	1 800	
Angkutan keluar	300	
Pulangan belian		530
Pulangan jualan	230	
	340 450	340 450

Maklumat tambahan:

1. Stok akhir pada 30 Jun 2015 ialah RM3 900.
2. Susut nilai bagi van dan kelengkapan pejabat masing-masing ialah 10% dan 2%.
3. Sewa bernilai RM600 didapati masih belum dibayar.
4. Seorang penghutang didapati muflis dengan jumlah RM1 900.

5. Ambilan tunai RM200.
6. Upah dan gaji didapati terlebih bayar kepada seorang pekerja berjumlah RM350.

Dikehendaki :

- a) Sediakan jurnal pelarasan. (6 markah)
- b) Sediakan Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2015. (11 markah)
- c) Sediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2015. (10 markah)

SOALAN 5**BMB Bank****Penyata Bank bagi bulan berakhir 31 Oktober 2014**

Tarikh	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
Okt 1	Baki			15 802.43
7	Pindahan kredit - Syarikat Mini		2 985.69	18 788.12
	Cash		1 100.00	19 888.12
19	Bayaran cek No.653	1 862.09		18 026.03
20	Bayaran cek No.750	824.00		17 202.03
22	Pindahan kredit - Smart Ltd.		140.00	17 342.02
30	Deposit cek - No.2800		4 495.00	21 837.02
	Arahan tetap - MIA Insurance	681.00		21 156.03
	Bayaran cek No.659	120.00		21 036.03
	Bayaran cek No.658	440.50		20 595.53
31	Bayaran cek No.652	286.44		20 309.09
	Caj bank	7.50		20 301.59

Syarikat Hafilah
Akaun Tunai (Ruangan bank)

Tarikh	Butiran	No.Cek	RM	Tarikh	Butiran	No.Cek	RM
Okt 1	Baki		15 802.43	Okt 16	Syarikat FQT	650	603.60
16	Jualan		1 100.00		Syarikat SXY	651	220.40
	Jualan	2800	4 495.00	17	Belian	653	1862.09
30	Komisen	659	120.00	28	Belian	654	4430.10
31	Penghutang - Amin	9698	600.00		Syarikat SXY	656	610.60
					Belian	657	1 226.63
				30	Belian	658	440.50
				31	Baki		12 366.67
			22 117.43				22 117.43

Maklumat tambahan:

1. Pada 30 Oktober 2014, Syarikat Hafilah tersalah debit belanja komisen bernilai RM120
2. Cek No.750 tersalah rekod yang mana ianya adalah cek bagi Syarikat Ali.

Dikehendaki:

- a) Sediakan Kemaskini Buku Tunai.

(7 markah)

- b) Sediakan Penyata Penyesuaian Bank.

(10 markah)

- c) Nyatakan **TIGA (3)** sebab mengapakah berlakunya perbezaan di antara Buku Tunai dan Penyata Penyesuaian Bank.

(3 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

